

03 NOV 2002

Asean-Biro/I

MALAYSIA CADANGKAN BIRO ASEAN+3, BUKAN SEKRETARIAT

Oleh: Abdul Muin Majid

PHNOM PENH, 3 Nov (Bernama) -- Malaysia kini melakukan perubahan pendekatan dalam usahanya untuk meyakinkan negara-negara anggota Asean yang lain mengenai keperluan menubuhkan sebuah badan di Kuala Lumpur untuk memantau dan memudahkan aktiviti Asean bersama tiga rakan dialognya -- China, Jepun dan Korea Selatan.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata sebagai ganti kepada "sekretariat" Asean+3, Malaysia bersedia menukarkannya menjadi "biro" Asean+3 yang akan berada di bawah skop sekretariat Asean di Jakarta.

"Kami sebelum ini bercakap mengenai penubuhan sebuah sekretariat. Tetapi kami fikir jika ini menimbulkan persoalan, kami boleh menerima pendekatan yang akan menyaksikan pengwujudan biro Asean+3 di Kuala Lumpur," katanya pada taklimat media setibanya beliau di sini untuk menghadiri Sidang Kemuncak Asean ke-8 yang bermula di ibu negara Kemboja esok.

Malaysia diwakili Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada sidang kemuncak dua hari itu.

Syed Hamid menjawab persoalan yang meliputi percubaan Malaysia untuk menubuhkan sebuah badan seumpama itu berikutan kebimbangan yang disuarakan oleh beberapa negara anggota Asean bahawa ianya akan membayangi sekretariat Asean yang sedia ada di ibu negara Indonesia.

Syed Hamid berkata walaupun dengan pendekatan yang baru, masih terdapat keraguan mengenainya pada peringkat menteri dan pegawai.

"Jadi adalah lebih baik kami menyerahkan perkara itu kepada para pemimpin untuk membincangkannya. Bagaimanapun, usaha-usaha akan diteruskan," kata beliau.

Mengenai rangkakerja perjanjian yang akan ditandatangani antara Asean dan China bagi pembentukan Kawasan Perdagangan Bebas Asean-China (FTA) dalam masa 10 tahun, beliau berkata ada pihak yang mahu FTA menjadi kenyataan pada 2010 manakala yang lain lebih menyukai 2012.

"Sebelum mesyuarat di sini berakhir, kami akan tahu sama ada semua negara yang terlibat akan menerima 2010 atau sama ada kita akan melalui proses dua peringkat -- 2010 dan 2012," kata beliau lagi.

-- BERNAMA

MAM MUN AFY ROS